

SOALAN-SOALAN LAZIM E-ARRIVAL CARD

MAKLUMAT UMUM

1. Apakah dia E-Arrival Card?

E-Arrival Card adalah portal secara atas talian (*online*) bagi pendaftaran warganegara asing yang masuk tiba dan berlepas ke/dari Negara Brunei Darussalam **secara elektronik** bagi menggantikan pendaftaran ketibaan/berlepas menggunakan kertas fizikal sebelum ini yang mana lazimnya dikenali sebagai Borang 19.

2. Adakah E-Arrival Card ini dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan undang-undang?

E-Arrival Card dilaksanakan mengikut Peraturan 29(2)(b) Akta Imigresen, Penggal 17.

INDIVIDU YANG PERLU MENDAFTAR, CAJ BAYARAN DAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

3. Siapakah yang diperlukan untuk mendaftar E-Arrival Card?

Semua warganegara asing yang tiba dan berlepas ke/dari Negara Brunei Darussalam melalui pos-pos kawalan imigresen laut, udara dan darat adalah dimestikan untuk mendaftar ke portal E-Arrival Card sebelum tiba dan masuk ke Negara Brunei Darussalam.

4. Adakah warganegara asing yang membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam secara singgah (transit) diperlukan untuk mendaftar E-Arrival Card?

Warganegara asing yang membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam bagi tujuan singgah (transit) sahaja TANPA melalui Pos kawalan imigresen (LTAB) adalah TIDAK diperlukan untuk mendaftar E-Travel Card.

5. Apakah dokumen-dokumen yang perlu disediakan semasa membuat pendaftaran E-Arrival Card?

Bagi memastikan kelancaran proses pendaftaran E-Arrival Card, dokumen-dokumen berikut perlu disediakan:

- a) Pasport/Dokumen perjalanan individu yang sah
- b) Maklumat tempat tinggal di Negara Brunei Darussalam
- c) Maklumat penerbangan atau kenderaan yang digunakan

6. Berapakah caj bayaran pendaftaran E-Arrival Card yang dikenakan?

Tidak ada caj bayaran pendaftaran E-Arrival Card yang dikenakan.

AKSES KEPADA PENDAFTARAN E-TRAVEL FORM

7. Bagaimanakah pendaftaran E-Arrival Card dapat dilakukan?

Pendaftaran E-Arrival Card dapat dilakukan secara atas talian melalui laman sesawang <https://www.imm.gov.bn>. Bagi kelancaran proses pendaftaran, orang ramai adalah disarankan untuk membuat pendaftaran semasa mempunyai akses kepada internet adalah ditahap yang baik dan stabil.

8. Saya terlupa membuat pendaftaran E-Arrival Card, adakah kemudahan pendaftaran boleh dibuat di pos kawalan?

Ya, individu berkenaan boleh membuat pendaftaran E-Arrival Card di Pos Kawalan menggunakan telefon bimbit individu tetapi adalah disarankan untuk membuat pendaftaran sebelum tiba atau berlepas ke/dari Negara Brunei Darussalam.

MAKUMAT LAIN BERKAITAN E-ARRIVAL CARD

9. Adakah orang lain boleh mendaftarkan E-Arrival Card?

Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan ingin menjelaskan bahawa Jabatan ini tidak membuat sebarang lantikan atau pengesahan mana-mana individu atau syarikat bagi menjalankan perkhidmatan E-Arrival Card dengan caj bayaran.

Walaupun, jika pendaftaran E-Arrival Card dibuat oleh orang lain, sila pastikan maklumat individu adalah betul.

10. Saya membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam bersama dengan ahli keluarga / kawan-kawan lainnya, adakah saya perlu mengisikan pendaftaran E-Travel Card bagi setiap individu?

Setiap individu yang hendak masuk ke Negara Brunei Darussalam perlu mengisikan E-Travel Card.

ISU-ISU TEKNIKAL PENDAFTARAN E-ARRIVAL CARD

11. Saya lupa kata laluan (*password*) bagi login E-Arrival Card, bagaimanakah saya boleh mendapatkan kata laluan (*password*) yang baharu?

Individu boleh mendapatkan kata laluan (*password*) yang baharu dengan menekan 'Forgot Password', kemudian kod verifikasi akan diterima melalui emel dan individu boleh membuat kata laluan (*password*) baharu.

12. Saya tidak menerima nombor rujukan (*Reference No*) setelah selesai mendaftar E-Arrival Card, bagaimanakah saya boleh mendapatkan nombor rujukan berkenaan?

Individu akan diberikan nombor rujukan (*Reference No.*) di dalam portal E-Arrival Card setelah selesai pendaftaran. Bagi kelancaran proses pendaftaran, orang ramai adalah disarankan untuk membuat pendaftaran semasa mempunyai akses kepada internet adalah ditahap yang baik dan stabil.

Sebarang permasalahan/pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi JIPK melalui emel info@immigration.gov.bn atau hotline whatsapp +6737299550

13. Adakah saya boleh mengubah atau mengemaskinikan maklumat E-Arrival Card yang telah saya daftarkan sebelum ini?

Ya, individu boleh mengubah dan mengemaskinikan maklumat E-Arrival Card yang telah didaftarkan sebelum ini. Bagi proses mengubah dan mengemaskinikan maklumat E-Arrival Card, sila rujuk garis panduan di sini: www.immigration.gov.bn

14. Saya tidak akan meneruskan rancangan untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam, adakah saya boleh membatalkan pendaftaran E-Arrival Card berkenaan?

Ya, individu boleh membatalkan pendaftaran E-Arrival Card berkenaan jika tidak meneruskan kemasukan ke Negara Brunei Darussalam. Bagi proses pembatalan sila rujuk kepada garis panduan di sini: www.immigration.gov.bn

Sebagai tambahan, proses pembatalan pendaftaran E-Arrival Card ini bukanlah mandatori dan tidak ada sebarang kesalahan jika pendaftaran E-Arrival Card tidak dibatalkan.